

22/02/2004

Penceramah diingat jangan maki-hamun peribadi orang

KOTA BHARU: Umno Kelantan mengingatkan seluruh jentera penceramahnya mengambil pendekatan bijak dan berhemah ketika berceramah pada kempen pilihan raya umum kali ini tanpa membabitkan maki-hamun dan menyentuh peribadi pihak lain.

Ketua Penerangan Umno negeri, Mohd Alwi Che Ahmad, berkata langkah itu supaya penceramah Umno mematuhi garis panduan dan peraturan seperti ditetapkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

Beliau berkata, setiap penceramah Umno perlu menggunakan pendekatan bijak bagi menyampaikan mesej kepada pengundi selaras matlamat Umno dan BN untuk membawa perubahan politik sejajar tuntutan agama.

Katanya, perkara perlu diberi perhatian oleh setiap ceramah Umno ialah tidak terbawa-bawa dengan perasaan ketika berceramah yang boleh memungkinkan kepada unsur maki hamun dan menyentuh peribadi seseorang.

"Apa yang kita mahu setiap mesej ceramah mudah difahami golongan sasar dengan isi kandungannya berilmu dan memberi kesedaran, bukan membaca ayat al-Quran tetapi tidak habis hanya kerana kepentingan politik.

"Bagaimanapun, setakat ini kita berpuas hati dengan disiplin penceramah Umno tidak menunjukkan `perangai' seperti amalan penceramah pembangkang sebelum ini dipenuhi dengan maki hamun sehingga pernah satu ketika meminta pemimpin Umno termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya cepat mati," katanya kepada Berita Minggu ketika dihubungi, di sini, semalam.

Semalam Berita Harian melaporkan, semua ceramah pada kempen pilihan raya akan dirakam dan jika mengandungi maki-hamun atau menyentuh peribadi calon lain, akan dihentikan serta merta.

Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihanraya (PP-KPR) akan memantau dan merakamkan semua ceramah bagi mengesan sama ada isi ceramah itu tidak melanggar Akta Kesalahan Pilihanraya.

Beliau berkata, SPR juga tidak teragak-agak mendakwa calon jika kenyataan pada sepanduk atau papan iklan yang dipasang, mengecam dan menghina peribadi calon lain.